

D320

B 8883 AAB
MAHATHIR - IRAQ R'R'R'

KUALA LUMPUR, 8 OGOS (BERNAMA) -- MALAYSIA TIDAK MENENTANG TINDAKAN AMERIKA SYARIKAT MENGHANTAR TENTERA DAN KELENGKAPAN PERANGNYA KE ARAB SAUDI BAGI MENGENDURKAN KETEGANGAN DI KAWASAN TELUK, KATA PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD, MALAM INI.

BAGAIMANAPUN, MALAYSIA LEBIH SUKA KALAU SEBARANG TINDAKAN YANG DIAMBIL OLEH MANA-MANA NEGARA ADALAH BERDASARKAN KEPUTUSAN YANG DIBUAT OLEH PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU (PBB), KATANYA PADA PERSIDANGAN AKHBAR SETIBANYA DI LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA KUALA LUMPUR, DI SUBANG DEKAT SINI, SEKEMBALINYA DARIPADA LAWATAN LIMA HARI KE VENEZUELA.

KATANYA, MALAYSIA SEBAGAI ANGGOTA MAJLIS KESELAMATAN PBB AKAN MEMATUHI SEGALA KEPUTUSAN YANG DIAMBIL OLEH MAJLIS ITU, TERMASUK SOAL PEMBEKUAN HARTA IRAQ DAN KUWAIT DI NEGARA INI.

+KITA SEBARANG MENUNGGU KEPUTUSAN MAJLIS KESELAMATAN TENTANG APA YANG PATUT DIBUAT, KERANA KITA HENDAK SUPAYA ADA KERJASAMA ERAT ANTARA SEMUA NEGARA DALAM PBB BERKAITAN MASALAH YANG MELANGGAR PRINSIP PERLUKONGAN ANTARA SEBUAH NEGARA DAN NEGARA YANG LAIN,+ KATANYA.

MALAYSIA TIDAK BERSETUJU SAMA SEKALI TINDAKAN SEBUAH NEGARA BESAR MENCEPOHI WILAYAH NEGARA JIRAN DENGAN NIAT MENUBUHKAN SEBUAH KERAJAAN BONEKA, KATANYA SEBAGAI MENGULAS PENAKLUKAN IRAQ KE ATAS KUWAIT KHAMIS LEPAS. -- LAGI

2115MST 08 08 90

D335

B 8885 AAB
MAHATHIR - IRAQ 2 KUALA LUMPUR R'R'R'

PRESIDEN AMERIKA GEORGE BUSH HARI INI MENGAMBIL KEPUTUSAN UNTUK MENGHANTAR TENTERA DAN PESAWAT-PESAWAT PEJUANG KE ARAB SAUDI BAGI MELINDUNGI NEGARA ITU DARIPADA ANCAMAN SERANGAN IRAQ.

PERDANA MENTERI BERKATA, MALAYSIA JUGA MENUNGGU KEPUTUSAN MAJLIS KESELAMATAN UNTUK MELAKSANAKAN SEKATAN EKONOMI TERMASUK PERDAGANGAN KE ATAS IRAQ SEJAJAR DENGAN RESOLUSI YANG DILULUSKAN OLEH MAJLIS ITU DUA HARI LEPAS SEBAGAI TINDAKAN TERHADAP PENAKLUKAN IRAQ KE ATAS KUWAIT.

MALAYSIA MENGEKSPORT BARANGAN BERNILAI KIRA-KIRA AS\$120 JUTA SETAHUN KE IRAQ, SEBAHAGIAN BESARNYA MINYAK SAWIT.

MENGENAI KEMUNGKINAN MALAYSIA MEMUTUSKAN HUBUNGAN DIPLOMATIK DENGAN IRAQ SEORANG PENCEROBOHANNYA ITU, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA MASIH TERLALU AWAL UNTUK BERBUAT DEMIKIAN.

MENGENAI IMPLIKASI EKONOMI KE ATAS MALAYSIA EKORAN PERGOLAKAN TERBARU DI ASIA BARAT ITU, BELIAU BERKATA KEMAKMURAN MALAYSIA BERGANTUNG KEPADA KEMAKMURAN DUNIA, KERANA NEGARA INI MENJUAL BARANGAN KELUARANNYA KE NEGARA-NEGARA LAIN. -- LAGI

2144MST 08 08 90

D344

B 8887 AAB
MAHATHIR - IRAQ 3 KUALA LUMPUR R'R'R'

KATANYA, KEUPAYAAN MALAYSIA MENINGKATKAN PENGELUARAN MINYAKNYA KETIKA KENAIKAN HARGA MINYAK SEKARANG TERHAD.

TETAPI YANG LEBIH PENTING IALAH MALAYSIA TIDAK MAHU MELIHAT HARGA MINYAK NAIK TERLALU TINGGI, KERANA INI AKAN MEMBERI KESAN KEPADA EKONOMI DUNIA, KATANYA, DAN MENAMBAH KATA BAHAWA HARGA BAHAN ITU SEHARUSNYA BERADA PADA PARAS YANG MUNASABAH.

+HARGA MINYAK TIDAK SEHARUSNYA TERLALU TINGGI ATAU TERLALU RENDAH. PARAS HARGA DALAM LINGKUNGAN AS\$20 ATAU AS\$21 SETONG ADALAH WAJAR,+ KATANYA. (AS\$1 BERSAMAAN \$2.7)

BELIAU BERNATA, HARGA BARANGAN PEMBUATAN TELAH MENINGKAT, DAN OLEH ITU HARGA MINYAK JUGA PATUT NAIK.

MENGENAI KEMUNGKINAN KENAIKAN HARGA BARANGAN MINYAK DI PASARAN TEMPATAN EKORAN KRISIS ITU, BELIAU BERKATA, KERAJAAN SENTIASA MENYEMAK KEADAAN PASARAN BAHAN ITU DARI MASA KE SEMASA. -- BERNAMA
2200MST 08 08 90